



Projek Rumah Rakyat Pahang ditambah kepada 266 tahun ini

Oleh **Roselan Ab Malek** - Jun 17, 2022 @ 9:20pm

bhnews@bh.com.my

MARAN: Projek Rumah Rakyat Pahang (RRP) yang diperkenalkan pada 2020 dengan masing-masing dua unit bagi setiap 42 Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Pahang, kini dinaikkan kepada enam unit tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata 266 unit rumah akan dibina untuk keluarga yang memerlukan menjelang akhir tahun ini dengan enam unit di setiap DUN (42 kerusi DUN) manakala kawasan Parlimen (14 kerusi Parlimen) layak mendapat satu unit rumah.

Katanya, pada awal diperkenalkan pada tahun 2020, kerajaan negeri membina dua unit RRP, diikuti empat unit tahun lalu dan kini, enam unit di setiap DUN.

"Jika kita mencapai sasaran pendapatan RM1 bilion tahun ini, sudah pasti saya akan meningkatkan jumlah RRP tahun depan.

"Disebabkan keupayaan kewangan negeri yang baik, kita mampu membina dan menyediakan lebih banyak unit RRP untuk rakyat. Ini membuktikan kerajaan negeri stabil dan kita berjaya menguruskan aliran tunai kita dengan cekap," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan hak milik tanah, Notis 5A dan surat tawaran RRP di balai raya Kampung Kuala Sentul, hari ini.

Wan Rosdy berkata, pembinaan setiap unit yang disediakan secara percuma, terutama bagi mereka yang berdaftar di bawah sistem E-kasih, sebelum ini membabitkan kos RM65,000 dan kini dinaikkan kepada RM75,000.



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tiga kiri) bersama Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang juga Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (empat kiri) bergambar bersama penerima, pada Majlis Penyerahan Suratan Hakmilik, Surat Kelulusan dan Notis 5A Skim Tanah Rakyat Serta Surat Tawaran Penerima Rumah Rakyat Pahang (RRP) Fasa 2B, Daerah Maran, di Dewan Komuniti Kampung Kuala Sentul. - NSTP/Farizul Hafiz Awang